


Kenapa Pilih Taiwan



Proses Rawatan Perubatan



Taiwan
Medical Travel

TAIWAN
CANCER
HELP

Pasukan Petugas Pelancongan
Perubatan Taiwan

Laman Web Rasmi Pelancongan
Perubatan

+886-2-2885-1528

tffmtnhca@gmail.com

www.medicaltravel.org.tw



AD by MOHW

Dengan penuaan populasi, perubahan diet dan tabiat aktiviti fizikal, serta pencemaran alam sekitar yang semakin teruk, penyakit kanser telah menjadi penyebab kematian kedua di dunia, adalah pembunuh manusia selepas penyakit kardiovaskular. Menurut data WHO, satu daripada enam orang di dunia telah mati kerana kanser. Kini, penyakit-penyakit kanser yang paling popular adalah kanser paru-paru, kanser hati, kanser kolorektum, kanser perut dan kanser payudara, manakala kaedah-kaedah rawatan yang paling canggih hari ini adalah terapi sel imun dan terapiproton.

Terapi sel autoimun telah menjadi terapi arus perdana dan dianggap sebagai harapan baru oleh penjuang kanser di seluruh dunia.

Terapi sel autoimun adalah sejenis kaedah rawatan di mana sel-sel imun dikeluarkan dari badan pesakit, dikultur dan ditambah bilangannya untuk meningkatkan keupayaan pesakit melawan sel-sel kanser, dan kemudian dimasukkan semula ke dalam badan pesakit. Terapi ini telah menunjukkan keputusan klinikal yang signifikan tahun-tahun kebelakangan ini. Memandangkan Taiwan telah menjadi pemimpin dunia dalam bidang teknologi perubatan yang berkaitan, tambahan lagi Kementerian Kesihatan dan Kebajikan (MOHW) menyemak "Peraturan Mengenai Aplikasi Teknik Perubatan dan Peranti Perubatan Tertentu" pada tahun 2018, membenarkan teknologi terapi sel yang berisiko rendah dan keselamatannya boleh ditentukan digunakan secara bersyarat dalam kes-kes rawatan klinikal, terapi sel telah berkembang dengan pesat manakala pusat terapi sel di hospital-hospital utama di Taiwan tumbuh bagai cendawan, sekali gus menawarkan harapan baru kepada para pesakit kanser di dalam dan luar negara.

Taiwan telah membuka sebuah pusat terapi proton untuk menyelamatkan nyawa dengan teknologi perubatan

Sebagai sebuah negara yang maju dalam bidang perubatan, Taiwan pastinya tidak ketinggalan dalam pembangunan teknologi terapi proton. Pada tahun 2015, Taiwan membuka pusat proton dan radioterapi pertama di Taiwan yang juga pusat proton yang terbesar di Asia dan menjadi negara Asia pertama yang menggunakan "Pengimbasan alur pensel (Pencil beam scanning)" yang bukan sahaja mengurangkan peluang memasukkan tiub nasogastrik ke dalam pesakit kanser, tetapi juga mengurangkan penurunan berat badan dari 20 peratus pesakit dan memendekkan masa pulih daripada kesan-kesan sampingan akut sebanyak kira-kira 33 hingga 83 peratus, meningkatkan mutu kehidupan semasa menjalani rawatan kanser secara keseluruhan.

60 buah hospital telah dianugerahi akreditasi melalui Program Akreditasi Mutu Penjagaan Kanser yang dilancarkan di Taiwan

Taiwan telah menetapkan "Piawai Penilaian Akreditasi Mutu Penjagaan Kanser" pada tahun 2006 dan melaksanakan Sistem Akreditasi Mutu Penjagaan Kanser secara rasmi pada tahun 2008, dan dengan itu membantu hospital-hospital yang mempunyai lebih daripada 500 kes kanser baru untuk menetapkan proses rawatan kanser yang "berpusatkan pesakit", termasuk menubuhkan rangka kerja penjagaan kanser, model diagnosis dan rawatan, perkhidmatan perundingan penjagaan psikologi dan model penjagaan palliatif. Kini, 60 buah hospital telah dianugerahi akreditasi ini dan sedang menjaga lebih daripada 80 peratus pesakit kanser di Taiwan. Menurut statistik, kadar ketakutan lima tahun di kalangan pesakit kanser di Taiwan adalah 73 peratus, dan angka ini adalah lebih baik daripada angka purata sebanyak 67 peratus di Eropah dan Amerika Syarikat.

Kaedah rawatan yang berharga berpatutan menarik pesakit-pesakit asing untuk menjalani rawatan di Taiwan

Berdasarkan kajian yang lalu, kos rawatan adalah satu kekangan utama untuk menjalani rawatan penyakit di hospital. Salah satu perkara yang paling diambil berat oleh pesakit mengenai rawatan kanser adalah kos rawatan. Mujurnya, kos rawatan kanser di Taiwan adalah lebih rendah daripada kos rawatan kanser di negara lain, sekali gus menarik ramai pesakit asing datang ke Taiwan untuk menjalani rawatan. Dengan menggunakan terapi proton sebagai contoh, kos untuk menjalani rawatan setiap kali di Taiwan adalah NT\$600,000, iaitu 40 hingga 75 peratus lebih murah daripada kos yang dikenakan di Eropah dan Amerika Syarikat (antara NT\$800,000 dan NT\$1,500,000).

Bahagian Maklumat
Tentang Teknologi
Terapi Sel MOHW

